

SILAT A-BANGSA

RANCANGAN ^{pencak silat} untuk menubuhkan sebuah federasi pencak silat Asean memang telah lama dibuat, tetapi dengan adanya usul untuk mengubah namanya agar lebih bersifat antarabangsa maka ia adalah lebih praktikal dalam usaha untuk memelihara dan mengembangkan seni mempertahankan diri Melayu itu. Perubahan itu akan membolehkan lebih banyak negara, selain dari anggota Asean, untuk bergerak bersama-sama dalam mempercepat tercapainya objektif tersebut.

21 JUN 1979
Apa yang diharapkan ialah kesedaran untuk membentuk sebuah persekutuan antara-negara bagi silat hendaklah disertakan dengan keinginan untuk memperkenalkan dan mempopularkannya di kalangan masyarakat bukan Melayu, disamping mempertinggikan mutunya dari masa ke masa. Dengan kesungguhan yang ditunjukkan, tidaklah memmeranjatkan jika pada satu masa nanti silat akan mencapai peringkat yang sama, walaupun tidak lebih baik, dari tae-kwon-do dan karate.

SILAT A-BANGSA

22 OCT 1979
USAHA yang dijalankan oleh masyarakat Indonesia yang tinggal di beberapa buah negara Barat untuk memperkenalkan seni silat di kalangan masyarakat tempatan, adalah selaras usaha yang kini sedang dijalankan di sini untuk mempopularkan silat di kalangan masyarakat bukan Melayu. Kesediaan yang bertambah di kalangan masyarakat Melayu untuk memperkenalkan silat kepada masyarakat lain sekarang ini merupakan satu sikap yang bertentangan sama sekali dengan faham yang dipegang sebelum ini bahawa silat adalah sejenis pusaka yang harus diperturunkan kepada masyarakat Melayu saja.

Walaupun demikian tidak dapat dinafikan pula bahawa masih terdapat orang-orang yang tidak menggemari usaha ini, antaranya kerana khuatir bahawa keaslian seni itu akan ternoda. Dan beberapa alasan lain yang tersendiri juga menyebabkan sebahagian dari mereka ini, walaupun sedia mengajarnya kepada masyarakat bukan Melayu, tetapi masih menyimpan banyak 'rahsia' lain ilmu mempertahankan diri itu. Soalan yang timbul ialah apakah rasa khuatir seperti ini perlu dipertahankan terus andainya kita ingin mempopularkan seni silat dan melihatnya diterima oleh masyarakat antarabangsa sebagaimana judo atau karate?